ADAT *BAISAN* DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN TATANA: KAJIAN ETNOGRAFI DI KAMPUNG MENUMPANG, KUALA PENYU

KALSIA BINTI MATRIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MEI 2009

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ADAT *BAISAN* DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN TATANA: KAJIAN ETNOGRAFI DI KAMPUNG MENUMPANG, KUALA PENYU

KALSIA BINTI MATRIN

HA2006-4500

SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN

SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
MEI 2009

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017040

183280

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH PERPUSTAKAAN UMS HADIAH

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: ADAT BAISAH DLM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN TATANA: KAJIAN ETNOGRAFI DI KG. MERUMPANG, KUALA PENYU.

IJAZAH: SERJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA KALSIH BINTI MATRIN SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

[ ]	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
[ ]	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
[ ]	TIDAK TERHAD	

Disahkan Oleh

Kalsih
(TANDATANGAN PENULIS) (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: EN. PAUL PORODONG.
Nama Penyelia

Tarikh: 14 MEI 2009 Tarikh: 14 MEI 2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.
**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS
1400017040

DITERIMA
03 JUL 2009
Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

KALSIA BINTI MATRIN
HA 2006-4500
14 MEI 2009

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Latihan ilmiah yang bertajuk Adat *Baisan* Dalam Perkahwinan Masyarakat Dusun Tatana: Kajian Etnografi Di Kampung Menumpang, Kuala Penyu yang disediakan oleh Kalsia Binti Matrin bagi memenuhi syarat mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh,

_____

(EN. PAUL PORODONG)

SEKOLAH SAINS SOSIAL

TARIKH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur atas keberkatan Tuhan kerana cinta kasih-Nya, saya telah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran saya hingga diperingkat Ijazah Sarjana Muda Sosiologi dan Antropologi Sosial.

Terlebih dahulu, ucapan jutaan terima kasih ini ditujukan kepada En. Paul Porodong selaku penyelia latihan ilmiah saya atas kesudian En. Paul menerima saya sebagai anak didik En. Paul bagi melaksanakan latihan ilmiah ini. Terima kasih juga atas bimbingan, dorongan , tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan semasa tempoh penulisan tesis ini. Di kesempatan ini, saya turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan kerana membantu saya dalam penyediaan *Abstract* saya dan juga tunjuk ajar beliau bagi penambahbaikan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Hassan Mat Nor, Dr. Kanttaya Mariappan, Prof. Madya Dr. Fadzillah Majid Cooke, Dr. Rosazman Hussain, Dr. Dayang Suria Hj Mulia, Pn. Jalihah Md. Shah dan En. Roslee Hj. Abas atas ilmu dan pengalaman yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Juga tidak lupa kepada Miss Pauline, Miss Maine dan En. Fauzi bagi tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan. Jasa kalian tetap dikenang dan diingati selamanya.

Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada semua informan yang telah memberi kerjasama yang baik serta maklumat yang diperlukan bagi menjayakan penulisan tesis saya. Mudah-mudahan Tuhan melimpahkan keberkatan kepada mereka dan hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas budi baik mereka.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga dari saya kepada kedua ibu bapa saya iaitu En. Matrin Masri dan Pn. Saimah atas bimbingan serta limpahan kasih sayang mereka kepada saya selama ini. Pengorbanan mereka tidak akan saya lupakan kerana mereka saya mampu berada diperingakat ini.Kepada adik beradik saya, Kelvin, Kelson, Kalmark dan Kalvia dorongan serta kasih sayang dari kalian tetap kukuh diingatan.

Teristimewa buat sahabat saya, Marlizah yang banyak memberi dorongan kepada saya serta sudi berkongsi suka duka semasa penulisan tesis ini. Kepada Saiful, CJ, Moganamani, Monalyn, Vannessa, Rosenani, Tracie, Joy, Kexxy, Mel, sabahat karib (BOF) dan laskar-laskar seperjuangan dimedan pengajian Sosiologi dan Antropologi Sosial 06/07 bagi mendapatkan segulung ijazah, terima kasih kepada kalian semua kerana menjadi sahabat yang terbaik dan akan sentiasa diingatan saya untuk selamanya. Sesungguhnya, jalinan persahabatan kita semua tetap kukuh dan terpatri disetiap kenangan yang kita jalani bersama.

KALSIA BINTI MATRIN
HA2006-4500
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini meneliti adat perkahwinan masyarakat Dusun Tatana khususnya adat *baisan* di Kampung Menumpang, Kuala Penyu. Secara keseluruhannya, kajian ini melihat amalan proses adat perkahwinan masyarakat Dusun Tatana khususnya adat *baisan* dengan pengaruh agama Buddha atau Kristian bagi melihat perubahan yang terdapat pada amalan adat perkahwinan mereka. Selain daripada itu, adat *baisan* juga dilihat secara mendalam mengenai pengupacaraannya serta unsur kepercayaan yang terdapat dalam adat tersebut. Malah kajian ini juga melihat perubahan-perubahan yang terdapat dalam proses adat perkahwinan khususnya adat *baisan*. Data ini diperolehi dengan menggunakan kaedah penyelidikan etnografi terhadap tujuh orang key informan dengan mengambil kira agama informan iaitu Buddha atau Kristian. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa proses perkahwinan masyarakat Dusun Tatana seperti *mongoi uwot*, *mitantu*, *tadau kumawin*, adat *baisan* dan juga *waya wagu*. Selain itu turut dikenalpasti beberapa bentuk *sogit* yang dikenakan bagi perkahwinan bersaudara seperti *sogit pitas* dan *piringan*. Malah kajian ini juga telah mengenalpasti beberapa unsur kepercayaan serta perubahan di dalam adat perkahwinan masyarakat Dusun Tatana khususnya adat *baisan* yang disebabkan oleh agen perubahan seperti faktor masa, ekonomi dan agama. Kajian ini juga mendapati faktor agama Buddha dan juga Kristian tidak mempengaruhi amalan masyarakat Dusun Tatana dalam mengamalkan adat serta pantang larang yang telah ditetapkan.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE BAISAN CUSTOM IN THE MARRIAGE SYSTEM OF THE DUSUN TATANA: AN ETHNOGRAPIC STUDY AT KAMPUNG MENUMPANG, KUALA PENYU

*The purpose of this study is to examine the **Baisan** custom in the marriage system of the Dusun Tatana, Kuala Penyu. Overall, this study analysed the Dusun Tatana marriage customs, especially the **Baisan** custom which has been influenced by Buddhism and Christianity, and evaluates the changes that have occurred in their marriage customs. In addition to this, the **Baisan** custom is examined in depth with regard to its ritual elements and aspects of the belief behind custom. Data was collected using the Ethnographic Method, involving seven key informants from either the Buddhist or Christian religion. The research findings indicate there are several process of marriage among the Dusun Tatana, such as **mongoi uwot**, **mitantu**, **tadau kumawin**, the **Baisan** custom, and also **waya wagu**. Apart from these, the study also identifies various types of **sogit** that are imposed for marriage between relatives, such as **Sogit Pitas** and **Piringan**. This study also identifies the belief elements and the causes of the changes in the marriage customs of Dusun Tatana, especially in **Baisan**, which are caused by agents of change such as factors of time, economy and religion. This study also shows that Buddhism and Christianity have not affected Dusun Tatana **adat** with regard to superstition.*

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

En.	Encik
Kg.	Kampung
Pn.	Puan
RM	Ringgit Malaysia
RC	Roman Catholic
Sg.	Sungai
St.	Saint
SIB	Sidang Injil Borneo

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI PETA	xiii
SENARAI CARTA ALIR	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Sorotan Literatur	4
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Skop Kajian	12
1.6 Metod Kajian	12
1.7 Limitasi Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Kesimpulan	17
BAB 2: LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Latar belakang kawasan kajian	19
2.3 Kegiatan ekonomi penduduk	28
2.4 Sejarah lisan komuniti Dusun Tatana di Mukim Sitompok	31
2.5 Organisasi sosial	34
2.6 Adat perkahwinan masyarakat Dusun Tatana	35
2.7 Kesimpulan	38
BAB 3: PERINGKAT-PERINGKAT PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN TATANA	
3.1 Pengenalan	39
3.2 Peringkat perkahwinan masyarakat Dusun Tatana	39
3.2.1 Peringkat merisik (*mongoi uwot* atau *manguwot*)	40
3.2.2 Peringkat pertunangan (*mitantu*)	45
3.2.3 Hari perkahwinan (*tadau kumawin*)	66
3.3.2.1 Perkahwinan masyarakat Dusun Tatana beragama Buddha	68
3.3.2.2 Perkahwinan masyarakat Dusun Tatana beragama Kristian	72

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3.3.2.3 Kahwin *nialap* dan *inuli* 74
3.2.4 Upacara keramaian 75
3.2.5 Selepas hari perkahwinan (*waya wagu*) 76
3.4 Kesimpulan 76

BAB 4: PENGUPACARAAN ADAT *BAISAN* DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT DUSUN TATANA
4.1 Pengenalan 78
4.2 Penyediaan peralatan dalam adat *baisan* 78
4.3 Proses adat *baisan* dalam perkahwinan Dusun Tatana 83
4.4 Unsur kepercayaan dalam adat *baisan* 94
4.5 Kesimpulan 98

BAB 5: PERUBAHAN ADAT PERKAHWINAN KHUSUSNYA *BAISAN* DALAM MASYARAKAT DUSUN TATANA
5.1 Pengenalan 99
5.2 Perubahan dalam proses adat perkahwinan 99
5.3 Perubahan dalam adat *baisan* 112
5.4 Agen perubahan dalam proses adat perkahwinan dan adat *baisan* masyarakat Dusun Tatana 114
5.5 Kesimpulan 116

BAB 6: KESIMPULAN 118

RUJUKAN 121

LAMPIRAN A 124

LAMPIRAN A.1.1 Soalan *open-ended* 125

LAMPIRAN A.1.2 Sesi temubual bersama informan 128

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 2.1:	Profil Kg. Menumpang, Kuala Penyu	25
Jadual 3.1:	Peringkat-peringkat perkahwinan yang wajib dan tidak wajib mengikut kesemua maklumat informan	40
Jadual 3.2:	Jenis barangan hantaran yang akan dibawa oleh rombongan pihak lelaki mengikut setiap informan pada masa kini	47
Jadual 3.3:	Jenis *sogit* dan denda yang dikenakan mengikut tiga orang key informan	61
Jadual 3.4:	Peralatan bagi melaksanakan *sogit pitas* dan *sogit piringan* mengikut informan	63
Jadual 4.1:	Jenis peralatan di dalam *adat baisan* mengikut setiap informan	80
Jadual 5.1:	Perbandingan jumlah wang *mar* (berian) dan wang hangus dalam perkahwinan masyarakat Dusun Tatana dahulu dan sekarang mengikut informan*	102

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

MUKA SURAT

Gambar 2.1:	Projek Naiktaraf Jalan Raya Kg. Kabunau-Kg. Menumpang	26
Gambar 2.2:	Jalan raya yang tidak berturap (tanah merah)	26
Gambar 2.3:	Sekolah Kebangsaan Menumpang	27
Gambar 2.4:	Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Penyu 2 (di Kg. Kabunau)	28
Gambar 2.5:	Projek Tanaman Mangga Chokanan dan Jagung TSS	30
Gambar 3.1:	Hantaran pertunangan pada masa sekarang	51
Gambar 3.2:	Ruang Tamu yang dikemaskan bagi dijadikan tempat proses perbincangan berian perkahwinan dan juga tarikh perkahwinan	52
Gambar 3.3:	Permintaan berian mengikut adat Dusun Tatana	54
Gambar 3.4:	En. Tan Boon Liong (Wakil Ketua Anak Negeri) *menandatangani surat pertunangan dan sekaligus* menjadi saksi serta pengantar majlis *mitantu* Cik Christine dan Terrence. 30 November 2008	56
Gambar 3.5:	*Padang/sandung* (pedang) dan *salapah* (tepak sirih)	64
Gambar 3.6:	Pemain-pemain alat muzik togunggu memeriahkan majlis perkahwinan	68
Gambar 3.7:	Hidangan dan meja sembahyang masyarakat Dusun Tatana yang beragama Buddha	71
Gambar 3.8:	Saksi perkahwinan menandatangi surat perkahwinan yang telah ditandatangani oleh pasangan pengantin	73
Gambar 4.1:	Peralatan yang wajib didalam *adat baisan*	82
Gambar 4.2:	Penggunaan warna merah pengaruh budaya masyarakat Cina	82
Gambar 4.3:	Pertukaran minuman antara pasangan pengantin sebagai suami isteri	86
Gambar 4.4:	Pertukaran makanan antara pasangan pengantin	86
Gambar 4.5:	Pertukaran minuman antara pengantin lelaki dengan bapa pengantin perempuan sebagai menantu dan mertua	88
Gambar 4.6:	Pertukaran minuman antara pengantin lelaki dengan adik-beradik bapa pengantin perempuan	89
Gambar 4.7:	Pertukaran antara pengantin lelaki dengan adik beradik pengantin perempuan	90
Gambar 4.8:	Pertukaran antara bapa pengantin perempuan dengan ibu pengantin lelaki sebagai *baisan* (besan)	91
Gambar 4.9:	Pasangan pengantin mengangkat dan membawa *salapah* yang diletakkan lilin merah untuk ditiup didalam bilik pengantin	92

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Gambar 4.10: Pasangan pengantin meniup lilin di bilik pengantin sebagai tanda adat *baisan* berakhir 93
Gambar 5.1: Hiasan khemah menggunakan kain ela, reben dan belon pada masa sekarang 107
Gambar 5.2: Hiasan pelamin dan meja kek perkahwinan moden 108
Gambar 5.3: Ahli keluarga bergotong royong mendirikan khemah 108
Gambar 5.4: Adat *baisan* yang dilangsungkan diatas tikar 113

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

MUKA SURAT

Peta 2.1: Peta Kuala Penyu, Sabah mengikut Mukim 20
Peta 2.2: Peta Kg. Menumpang, Kuala Penyu 22

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI CARTA ALIR

MUKA SURAT

Carta alir 2.1: Carta ahli jawatankuasa Kg. Menumpang 34

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kebudayaan adalah sesuatu yang merangkumi keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat. Menurut Edward B. Taylor (1871 dalam Norazit Selat, 1993:59-60) melalui bukunya *Primitive Culture*, London (1871) menyatakan bahawa kebudayaan adalah "satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan kebolehan-kebolehan lain, serta kebiasaan yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat".

Menurut Lucy Mair (1965 dalam Norazit Selat, 1993:127), perkahwinan adalah satu penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan dan anak daripada hasil penyatuan tersebut diakui sebagai anak kepada kedua-dua pihak. Selain itu perkahwinan juga boleh didefinisikan sebagai penerimaan masyarakat terhadap hak pasangan untuk tinggal bersama. Perkahwinan juga merupakan satu upacara peralihan status atau taraf seseorang dimana perkahwinan tersebut diakui sah dengan melalui beberapa adat istiadat tertentu dalam sesuatu masyarakat. Tujuan perkahwinan adalah untuk mengembangkan zuriat dan terdapat juga yang menggunakan perkahwinan untuk mengesahkan pewarisan harta, kuasa dan kedudukan (Norazit Selat, 1993:127-129).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Menurut Norazit Selat (1993:1), adat merupakan suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga dianggap sebagai tradisi. Konsep adat ini juga terdiri daripada cara hidup sehari-hari dan pola budaya yang jelas melalui kekerapan amalannya. Manakala menurut Bronislaw Malinowski (1926 dalam Norazit Selat, 1993:1), adat ialah satu ragam tingkah laku yang secara tradisinya telah diselaraskan ke atas anggota sesuatu komuniti.

Manakala konsep kepercayaan merupakan salah satu elemen kebudayaan. Konsep kepercayaan ini dapat dilihat sebagai satu anggapan atau idea tentang sesuatu fenomena sama ada baik atau buruk dan benar atau palsu. Manusia mengandaikan bahawa kepercayaan adalah rasional dan benar. Oleh kerana itu kepercayaan merupakan salah satu komponen penting dalam corak kebudayaan sesebuah masyarakat (Rohana Yusof, 2006:83).

Terdapat pelbagai adat yang dipraktikan didalam budaya sesuatu masyarakat. Antaranya yang melibatkan kegiatan sosial mereka seperti upacara perkahwinan, upacara kematian, upacara penyembuhan dan sebagainya. Secara umumnya, adat adalah sesuatu amalan yang diamalkan secara turun-temurun yang mempunyai makna sosial tersendiri kepada sesuatu masyarakat tersebut. Selain itu, adat perlu di patuhi dan tidak boleh dilanggar oleh setiap anggota masyarakat kerana adat adalah sesuatu yang telah diperakui oleh setiap anggota masyarakat tersebut. Hal ini sekaligus menjadikan adat adalah sebagai satu kawalan sosial kepada anggota sesuatu masyarakat dalam bertingkah laku (Norazit Selat, 1993).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Adat merupakan suatu bentuk tingkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehinggap dianggap sebagai tradisi (Norazit Selat, 1993:1).

Upacara perkahwinan merupakan satu amalan yang terkandung dalam sistem adat mengikut sesuatu komuniti masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai sistem adat yang dipercayai perlu dituruti dalam melaksanakan sesuatu upacara misalnya upacara perkahwinan bagi mengesahkan hubungan suami isteri dikalangan anggota masyarakat. Antara adat upacara perkahwinan masyarakat Dusun Tatana adalah adat *baisan* yang mempunyai kepercayaan tersendiri serta menjadi sebahagian daripada proses upacara perkahwinan masyarakat Dusun Tatana. Secara umumnya, adat *baisan* ini adalah satu amalan yang tujuan utamanya ialah memperkenalkan antara sesama kedua-dua ahli keluarga pasangan berkahwin kepada pasangan dan juga sebagai mengesahkan perkahwinan tersebut. Adat *baisan* juga adalah satu cara untuk mengkukuhkan perkahwinan yang baru dilangsungkan dengan memperkenalkan seluruh ahli keluarga terdekat kedua-dua pasangan pengantin. Hal ini adalah kerana perkenalan tersebut akan menguatkan hubungan persaudaraan antara mereka dan perkara ini sekaligus akan mempengaruhi sesuatu perkahwinan tersebut sentiasa di dalam keadaan baik dan bahagia.

Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah mengenai amalan adat *baisan* didalam upacara perkahwinan masyarakat Dusun Tatana yang mana menekankan mengenai peringkat-peringkat perkahwinan, unsur kepercayaan yang terdapat pada adat *baisan*, dan juga perubahan dalam perkahwinan serta adat *baisan*. Masyarakat Dusun Tatana mempunyai satu amalan adat yang tersendiri dalam upacara perkahwinan mereka yang harus dijaga supaya tidak pupus ditelan zaman serta perlu diketengahkan pada pengetahuan umum. Kajian ini berfokus kepada masyarakat Dusun Tatana yang menetap di Kg. Menumpang di daerah Kuala Penyu, Sabah.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.2 Permasalahan kajian

Masyarakat Dusun Tatana pada masa kini kebanyakannya telah menganuti agama seperti agama Kristian dan Buddha. Institusi agama seperti agama Kristian telah mempunyai kekuatan pegangan agama yang dilihat melarang penganutnya mempercayai kepercayaan diluar agama tersebut. Namun terdapat perubahan amalan dan kepercayaan pada adat dalam masyarakat Dusun Tatana berikutan kemasukan agama Kristian dan Buddha. Walau bagaimanapun, agama Buddha dalam masyarakat Dusun Tatana masih mempunyai pengaruh daripada agama tradisional.

Permasalahan kajian ialah melihat perubahan amalan masyarakat Dusun Tatana sama ada masih mengamalkan adat-adat yang mempunyai kaitan dengan sistem kepercayaan tradisional di dalam adat perkahwinan mereka khususnya adat *baisan*.

1.3 Sorotan literatur

Artikel ***An Original Tatana Wedding*** oleh Pyhllis A. Dunn (1982) menerangkan tentang upacara perkahwinan tradisional masyarakat Dusun Tatana dimana pihak lelaki akan datang kerumah ibu bapa perempuan untuk menyampaikan hajatnya bagi melangsungkan perkahwinan. Ketika ini dikatakan pihak lelaki akan membawa beberapa pemberian seperti barang kemas untuk perempuan bagi mendapatkan persetujuannya. Malah mengikut undang-undang adat, lelaki tadi dikehendaki memberi satu meriam kecil (*badil*), seekor kerbau dan M$ 60 sebagai belanja perkahwinan. Lazimnya, perkahwinan ini diadakan pada bulan keempat selepas musim menuai. Sehari sebelum hari perkahwinan, pihak lelaki menghantar wang, seekor kerbau dan sepikul babi (120 paun) ke rumah perempuan. Pada malam

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

tersebut, upacara *moginum* diadakan di rumah pengantin perempuan dengan menghidangkan makanan dan minuman kepada semangat roh nenek moyang.

Setelah upacara *moginum* selesai pada keesokan harinya, pengantin lelaki dan rombongannya pergi ke rumah pengantin perempuan dengan membawa beberapa barangan seperti selimut, bantal dan mereka terpaksa membayar M$ 25 sebelum dibenarkan memasuki rumah pengantin perempuan tersebut. Setelah itu, dikatakan pengantin lelaki akan membakar colok dan menghidangkan sedulang makanan bagi ritual sembahyang. Setelah itu, muzik akan dimainkan dan acara lawan pedang akan dilangsungkan. Ketika ini, pengantin perempuan dikatakan berada di rumah saudaranya untuk bersolek.

Apabila pengantin perempuan tiba pada sebelah petang, pasangan pengantin tadi telah duduk bersama dan bersebelahan dengan ibu bapa mereka. Terdapat seorang lelaki tua yang bertindak sebagai orang tengah (*middle man*) untuk menjalankan acara pertukaran segelas kecil arak yang bertujuan untuk memperkenalkan pasangan pengantin kepada kedua-dua pihak keluarga. Pertukaran dimulakan dengan lelaki tua (*middle man*) memberi gelas kecil kepada pengantin perempuan untuk diberikan kepada pengantin lelaki. Setelah itu, pengantin lelaki akan memulangkan gelas tersebut kepada pengantin perempuan dan pengantin perempuan akan memberikan semula kepada lelaki tua tersebut. Setelah itu, pertukaran tersebut turut melibatkan pengantin lelaki kepada pengantin perempuan, pasangan pengantin kepada kedua-dua ibu bapa mereka, ibu bapa pengantin perempuan kepada ibu bapa pengantin lelaki dan keseluruhan keluarga. Malah terdapat pantang larang dimana pasangan pengantin tidak dibenarkan tidur pada malam hari perkahwinan kerana dipercayai jika mereka tidur, hayat mereka tidak

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

akan lama. Selepas itu, pasangan pengantin kembali ke rumah pihak lelaki pula untuk majlis perkahwinan sebelah pihak lelaki.

Sehubungan dengan itu, penyelidik menggunakan artikel ini sebagai panduan utama untuk mencapai objektif kajian ini. Dimana penyelidik dapat melihat upacara perkahwinan tradisional masyarakat Dusun Tatana yang dilangsungkan dengan upacara *moginum*. Selain itu, penyelidik juga dapat melihat amalan tradisional masyarakat Dusun Tatana dalam upacara perkahwinan mereka sebelum kedatangan agama Buddha dan Kristian. Malah penyelidik juga dapat melihat adat *baisan* (besan) turut diadakan dalam upacara perkahwinan tradisional masyarakat Dusun Tatana. Hal ini sekaligus menunjukkan adat *baisan* telah diamalkan sejak dahulu lagi. Namun dalam artikel ini, penulis tidak menjelaskan nama adat tersebut tetapi hanya proses adat yakni acara pertukaran segelas arak antara pasangan pengantin dengan seluruh keluarga mereka dimana dikendalikan oleh lelaki tua (*middle man*).

Laporan kerja lapangan ke Kuala Penyu oleh Jacqueline Pugh Kitingan pada 22 hingga 25 November tahun 1987. Penyelidikan dilakukan adalah mengenai upacara *moginum* dalam masyarakat Dusun Tatana yang dilangsungkan bersama dengan upacara perkahwinan di Kg. Nalitang, Kuala Penyu. Penulis telah menceritakan tentang upacara *moginum* yang dilakukan oleh En. Kuntam bagi melaksanakan lima niat beliau. Antara lima niat beliau melaksanakan upacara *moginum* adalah pertama *moginum kawin* sempena perkahwinan anak bongsu lelaki beliau. Kedua, *kaul noko bungsoi do tinan* pula ialah janji beliau bagi kesyukuran isterinya yang telah sembuh dari sakit tenat. Manakala, niat yang ketiga pula ialah *mongoi waya moginum* untuk kematian anak menantunya yang telah meninggal dunia kerana kemalangan di *Shipyard*. Keempat, *mangasa do baloi* bagi

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

menyejukkan rumah yang mana upacara *moginum* tersebut dilangsungkan dan terakhir ialah *pongoian nogi do adat moginum* bagi upacara adat moginum yang terakhir beliau adakan sebelum menganuti agama Kristian Roman Katolik.

Laporan ini juga telah menerangkan tentang proses *moginum* tersebut yang dimulai dengan upacara dimulai dengan upacara perkahwinan anak En. Kuntam pada hari kedua (23 November 1987). Dalam upacara tersebut, En. Kuntam telah membuat upacara penyembahan nenek moyang dalam agama Cina tradisional, beliau telah menjemput salah seorang daripada roh nenek moyangnya lima generasi yang lalu. Pada tengah hari pula, *mogitu kuturan* pula diadakan bagi pasangan pengantin mengenali dengan saudara mara mereka. Upacara ini melibatkan pertukaran gelas kecil yang berisi *siniou.* Acara ini dapat dilihat dari segi versi upacara tea dikalangan masyarakat Cina. Pada hari yang berikutnya pula upacara *moginum* dilangsungkan selama tiga hari.

Secara ringkasnya, upacara ini bermula dengan acara menyediakan makanan yang hendak dihidangkan kepada roh nenek moyang di atas dulang makanan. Setelah itu, *mogipad do sawat* dilakukan oleh dua orang *mibogogo* iaitu bomoh lelaki yang mana mereka menjemput roh nenek moyang di atas siling rumah. Muzik yang digunakan pula ialah *tungkas do moginum* yang dibunyikan daripada set gong dan juga *gandang.* Manakala, peranan bomoh perempuan yang dikenali sebagai *ponyupi* pula adalah mengendalikan *singarung* dimana segelas kecil berisi *siniou* diagihkan kepada pasangan pengantin dan juga saudara mara termasuk kanak-kanak. Hal ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan roh nenek moyang mereka kepada keturunan mereka. Upacara ini juga melibatkan tarian yang dipanggil *sumayau.* Selain daripada itu, acara membaca mentera oleh bomoh lelaki dan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

beberapa lelaki lain juga diadakan. Acara ini juga dikenali sebagai *mibobogo*. Manakala, pembacaan mentera bagi wanita pula dikenali sebagai *lumibag, numibag, mimibag, mibagan* atau *mibag.* Setelah itu, *mibobogo* (bomoh lelaki) membuat tarian *sumayau* dan menjalankan acara penyejukkan rumah dengan menyiram *siniou* dikeliling ruang tamu. Pada hari ketiga, acara *moginum* diakhiri dengan acara singarung dan juga acara muzik *tungkas moginum do mombuang atap*. Semasa muzik ini dimainkan ahli keluarga En. Kuntam membersihkan rumah mereka. Selepas empat ataupun lima hari En. Kuntam dikatakan menyediakan hidangan terakhir diatas siling bagi roh nenek moyangnya.

Penyelidik mengunakan artikel ini bagi melihat proses *moginum* dikalangan masyarakat Dusun Tatana yang dilangsungkan dengan upacara perkahwinan walaupun terdapat tujuan yang lain bagi pelaksanaan *moginum* tersebut. Dimana upacara perkahwinan dilangsungkan dalam konteks ritual *moginum* dalam amalan Cina tradisional dikalangan masyarakat Dusun Tatana. Oleh itu, penyelidik dapat melihat upacara perkahwinan dan adat *baisan* yang di luar konteks ritual *moginum* seperti sembahyang kahwin ataupun misa perkahwinan dalam agama Kristian (RC).

Buku **"Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan"** (1996) hasil tulisan Norhalim Haji Ibrahim (1996) memberikan tumpuan kepada adat perkahwinan di Negeri Sembilan yang mengamalkan adat pepatih sepenuhnya. Secara umumnya, adat pepatih mengamalkan corak hidup bersuku dan juga keturunan nasab ibu. Perjalanan dan proses adat perkahwinan tersebut dijalankan penuh dengan simbolik serta konsep dan nilai yang menjadi tunjang perjalanan adat tersebut. Dimana konsep seperti muafakat, persefahaman, kerjasama dan gotong-royong dalam adat pepatih sangat ditekankan.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

RUJUKAN

Amran Kasimin, 2002. *Perkahwinan Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazit Selat, 1993. *Konsep Asas Antropologi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harris M., 1983. *Cultural Anthropology.* Harper & Row: New York.

Beattie J., 1979. *Lain-lain kebudayaan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlmn 313-315.

Khati Galis, 1990. *Adat Perkhawinan Masyarakat Bisaya Sarawak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Razalee Goroh, 1981. *Sepintas lalu Mengenai Adat istiadat Dusun/Kadazan Kota belud.* Kota Kinabalu: Masa Press. Hlmn 19-25.

Mohd Sarim Hj. Mustajab (ed.), 2004. *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Rohana Yusof, 2006. *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabitira Marican, 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.* Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn.Bhd.

Yap Beng Liang, 1993. *Orang Bajau Pulau Omadal Aspek-Aspek Budaya.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlmn 65-101.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jurnal dan Artikel

Dunn, Phyllis A, 1982. Sout: A Tatana Ceremony. *Sabah Society Journal.* 7: 81-83.

Hairi Abdullah, 1986. SOGIT: Satu Upacara Amal Di Kalangan Komuniti Dusun Kampung Bendukan Lama, Keningau. *Jurnal Sumber. 1:195-205.*

Kitingan Pugh. Jacqueline, 1987. Field Trip to Kuala Penyu from 22 to 25 November: Outstation report. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Unpublished Ms.

Pekkanen, Inka and Phyllis A. Dunn, 1982. An Original Tatana Wedding: Tatana Ceremonies and Cultural Photos. Unpublished Ms.

Sharija Che Shaari & Ida Shafinaz Mohd.Kamil, 1999. "Mahkamah Anak Negeri di Sabah: Dulu, Kini dan masa Depan" dalam *Jurnal Manu* . Bil. 2. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Hlmn 39-58.

Bahan Rujukan Elektronik

"Adat istiadat suku kaum kadazan tatana daerah Kuala Penyu"
http://www.pengantin.com.my/v1/index.php/component/content/article/1-adat-istiadat-perkahwinan/4-adat-istiadat-suku-kaum-kadazan-tatana-daerah-kuala-penyu. Dicetak 28 Januari 2009

"Adat Pertunangan masyarakat Kadazandusun"
http://members.fortunecity.com/mpsdk/8_2.htm. Dicetak 23 April 2009

"Adat Dusun Lotud masih kekal teguh". Johary Indan.
http://tintakeris.blogspot.com/2008/04/adat_dusun_lotud_masih_kekal_teguh.html. Dicetak 23 April 2009.

Peta Mukim Daerah Kuala Penyu. Laman Rasmi Pejabat Daerah Kuala Penyu.
http://www.sabah.gov.my/pd.kp/kpdok/mkm1.htm. Diakses 23 April 2009.

Marrige and Society. Artikel. Microsoft Encylopedia. 2005. Diakses 9 Mei 2009.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Temubual Informan

Guanis bin Lisu, 2009. Peta Kg. Menumpang, Profil Kg. Menumpang dan Adat Perkahwinan Masyarakat Dusun Tatana. Temubual 8 Mac. Ketua Kampung, Kg. Menumpang.

Tan Boon Liong, 2009. Sejarah asal-usul masyarakat Dusun Tatana dan Adat Perkahwinan masyarakat Dusun Tatana. Temubual 8 Mac. Wakil Ketua Anak Negeri, Kuala Penyu.

Kimblin bin Majin, 2009. Sejarah asal-usul masyarakat Dusun Tatana dan Adat Perkahwinan masyrakat Dusun Tatana. Temubual 10 Mei. Wakil Ketua Anak Negeri, Kuala Penyu.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH